

28/07/1999

Perkampungan hiburan dibina di Cyberjaya

Hussain Jahit

SEBUAH studio filem dan kompleks hiburan akan dibina bernilai RM60 juta di Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Datuk Keramat Holdings Bhd (DKH), dijangka siap tahun depan.

Menurut penerbitan elektronik www.MSCTimes.com, kumpulan DKH kini berminat dalam bidang media, hiburan, perbankan dan kewangan, dan sektor perkhidmatan pengguna.

Naib Pengerusinya, Datuk Ibrahim Abdul Ghaffar, berkata pembinaan studi filem dan TV dijangka bermula awal tahun depan.

Studio filem dan TV itu adalah antara pembinaan fasa pertama Perkampungan Hiburan yang mempunyai empat komponen utama lain iaitu studio, pusat hiburan dan taman tema, bandar penempatan dan perniagaan, dan pusat percutian.

MSC.Times.com melaporkan lagi bahawa keputusan melantik DKH dibuat pada mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tambah Ibrahim, pada awal tahun ini, DKH mengutarakan pendapat mengenai pembinaan studio bagi memenuhi keperluan pembuatan filem berteknologi tinggi kepada Majlis.

Konsepnya ialah sebuah bandar studio yang lengkap dengan kemudahan pembuatan filem di bawah satu bumbung.

Ia akan menjadi projek antarabangsa yang dijangka lebih baik atau sekurang-kurang menyamai Hollywood.

Projek ini akan diurus dan dinasihat pasukan Leavesden dengan mendapat panduan daripada Norman Doerges, bekas Naib Presiden Eksekutif Disneyland, Robert McTyre.

(END)